

# UKM, YSD bangunkan loji rintis sawit, sisa sifar

**Bestari Jaya:** Dalam usaha memastikan industri kelapa sawit terus berkembang maju, sekumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) diketuai Prof Ir Dr Mohd Sobri Takiff bersama-sama pelopor industri sawit negara, Yayasan Sime Darby (YSD) membangunkan loji rintis industri sawit berkonsepkan sisa sifar.

Prof Mohd Sobri yang juga Pnyandang Bersama Kursi Pembangunan Lestari UKM-YSD: Teknologi Sisa Sifar, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) berkata, pembangunan loji rintis itu adalah satu daripada misi kelestarian UKM, iaitu bagi memastikan industri kelapa sawit mesra alam dan tidak berlaku pencemaran air, tanah dan udara.

"Kami berbangga dapat berkongsi hasil penyelidikan ini yang dilihat antara model terbaik dalam tadbir urus sisa pemprosesan minyak kelapa sawit dengan kaedah sisa sifar.

"Walaupun kapasiti loji rintis ini dibina bagi tujuan kajian, penemuan terpenting iaitu setiap elemen daripada sisa pemprosesan kelapa sawit mempunyai potensi untuk kegunaan lain seper-

ti dalam pertanian dan sebagai sumber tenaga baharu," katanya di Kompleks Loji YSD, Bestari Jaya, baru-baru ini.

Penyelidik UKM lain yang turut terbabit dalam penyelidikan itu adalah Prof Dr Jamaliah Md Jahim, Prof Madya Dr Mohd Shahbudin Mastar, Prof Madya Dr Sahilah Abdul Mutalib dan Ir Dr Shuhaida Harun.

Kajian itu turut mendapat kerjasama daripada pelbagai institusi penyelidikan dan universiti tempatan seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Nohingham Malaysia dan beberapa institusi antarabangsa, iaitu Wageningen University, Belanda; Feng Chia University, Taiwan dan Universiti Sumatera Utara, Indonesia.

Bellau berkata, impak bagi inovasi itu adalah dapat meningkatkan hasil minyak sawit negara dan produktiviti serta kemampuan masa depan industri terbabit.

"Saya berharap penyelidikan ini akan menjadi panduan kepada kilang kelapa sawit sedia ada supaya mereka membuat perubahan ke arah teknologi hijau yang sisa sifar," katanya.



**Prof Mohd Sobri menunjukkan loji rintis industri sawit berkonsepkan sisa sifar hasil penyelidikan UKM, baru-baru ini.**

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Ir Dr Abdul Wahab Mohammad, berkata penyelidikan yang dijalankan itu memfokus kepada penghasilan tenaga boleh diperbaharui, pemerangkapan gas karbon dioksida, penghasilan baja organik dan kitar semula penggu-

naan air daripada air kumbahan serta sisa pepejal yang terhasil dalam pemprosesan minyak sawit.

"Kejayaan penyelidik UKM dan YSD itu wajar diberikan penghormatan kerana bukan semua pihak mampu memikirkan penyelesaian yang paling bernas dalam menyelesaikan masalah sisa buangan industri sawit hingga

menjejaskan alam sekitar.

"Segala sisa pembuangan berjaya ditransformasikan kepada sumber boleh diperbaharui yang boleh digunakan pada kemudian hari, misalnya sisa sabut daripada sisa sawit dijadikan baja organik yang dapat digunakan bagi aktiviti pertanian," katanya.